

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2 : **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **6** markah

Soalan 5 : **4** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata nama terbitan berapitan** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata nama terbitan berapitan** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata nama terbitan berapitan** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Bil.	Kata Nama Terbitan Berapitan		Maksud	Contoh Ayat
1	keutamaan	-	1. kelebihan drpd yg lain-lain tempat yg utama;; 2. kelebihan drpd yg lain; keistimewaan; keunggulan. perihal utama: 3. kebaikan budi pekerti;	Masalah menjaga keamanan negeri hendaklah diberikan keutamaan dalam persidangan itu.
	pengutamaan	-	1. perihal mengutamakan:	Pengutamaan bahasa Melayu dalam semua urusan di jabatan kerajaan mestilah diterima oleh semua lapisan masyarakat.
2	perusahaan	-	1. pekerjaan (kegiatan dsb) secara besar-besaran utk membuat (menghasilkan, mengeluarkan) barang-barang, industri: ~ batik di Kelantan; ~ gula; 2. pekerjaan berniaga secara besar-besaran, pekerjaan yg dilakukan utk mencari keuntungan:	Oleh sebab kedai itu terlampau kecil, ayah saya telah membuka perusahaan di gedung yang lebih besar.
	pengusahaan	-	1. perihal mengusahakan, pengerjaan, penyelenggaraan.; 2. perbuatan atau hal mengusahakan sesuatu	Pengusahaan tanah terbiar di hujung kampung akan dilakukan oleh anak muda yang baru tamat belajar di universiti.
3	kebuntuan	-	perihal (keadaan) buntu	Semua ahli mesyuarat menghadapi kebuntuan untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga barang.
4	kekuasaan	-	1. kuasa atau hak (memutuskan, memerintah, mengurus, dll): 2. kekuatan, kemampuan: raja itu masyhur kerana ~nya; ~ Tuhan	Negeri itu sekarang bawah kekuasaan kerajaan pusat.
	penguasaan	-	1. perihal menguasai atau menguasai; 2. perbuatan atau hal menguasai.	Penguasaan bahasa Inggeris kebanyakan murid di sekolah pedalaman agak lemah.

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis – Jenis Ayat

Perhatian bagi Soalan 2

1. Jawapan mesti menggunakan kata hubung yang diberikan dalam skema sahaja.
2. Berikan 2 markah bagi setiap ayat majmuk yang betul.

Bil.	Ayat
1	Sepak raga ialah permainan tradisi masyarakat Melayu yang dimainkan pada masa lapang dan [pada] waktu petang.
2	Permainan sepak raga dapat mengeratkan hubungan masyarakat setempat dan [dapat] mewujudkan semangat kerjasama.
3	Kini, permainan sepak raga kurang popular dalam kalangan remaja kerana mereka / remaja lebih gemar bermain permainan video walaupun kerajaan mengadakan pelbagai usaha dalam mempopularkan permainan tradisi ini.

[Maksimum : 6 markah]

Perhatian bagi Soalan 3 – Penyuntingan

1. Calon mesti menyenaraikan **KESALAHAN** dan **PEMBETULAN**
2. Terima jawapan calon mengikut peruntukan markah sahaja (11 *markah*)
3. Gariskan jika jawapan lebih daripada peruntukan markah.

Soalan 3 – Penyuntingan

BIL.	KESALAHAN		PEMBETULAN
1	dipentaskan	-	ditayangkan / dipancarkan
2	memberansangkan	-	memberangsangkan
3	mendapatkan	-	mendapat
4	sosial media	-	media sosial
5	meletakan	-	meletakkan
6	naskah	-	naskhah
7	mengisahkan tentang	-	mengisahkan
8	paling corot sekali	-	paling corot / corot sekali
9	sikap	-	nilai
10	siapa	-	sesiapa / siapa-siapa
11	menjadikan	-	menjadi
12	airmata	-	air mata

[Maksimum: 11 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	6
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	5
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	4
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Selepas semua harta dikenal pasti oleh pemilik / tuan punya harta, lalu raja bertitah, “Wahai kamu semua, semua harta ini hendaklah dibahagikan kepada tiga bahagian, dua bahagian diberikan kepada Laksamana, sehahagian untuk pemilik harta, kerana harta yang telah hilang ini dijumpai oleh Laksamana.”

l.alu sembah orang itu, “Daulat tuanku, segala titah tuanku patik junjung.”

Lalu sembah Laksamana, “Ampun tuanku, jika sedemikian. aniayalah duli yang maha mulia dan bersedihlah / kecewalah semua pemilik / tuan punya harta.”

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Perhatian bagi Soalan 5

1. Berikan **1 markah** bagi setiap peribahasa yang disenaraikan dengan tepat.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap peribahasa yang **sama maksud** yang dinyatakan dengan tepat.

BIL.	PERIBAHASA DALAM PETIKAN		PERIBAHASA SAMA MAKSUD
1.	gagak pulang ke benua	-	✓ belut pulang ke lumpur ✓ ikan pulang ke lubuk ✓ Setinggi-tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau
2.	bagai kaca retak seribu	-	✓ Seperti kaca terhempas ke batu
3.	air dicencang tak akan putus	-	✓ Carik-carik bulu ayam, lama-lama / akhirnya bercantum juga / jua

[Maksimum: 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah : Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Jawapan salah	0

Soalan 6

	Markah
(i) Maksud frasa <i>merupakan halangan</i>	
P1 menjadi kekangan / cabaran / masalah / kesukaran	2
P2 menjadi halangan	1
P3 merupakan kekangan / cabaran / masalah / kesukaran	1

[Maksimum : 2 Markah]

(ii) **Kebaikan-kebaikan**

Bahan 1

P1 meningkatkan keselamatan pengguna

Bahan 2

P2 mesra alam sekitar

P3 sifar pencemaran

P4 menjimatkan kos diesel

Bahan 3

P5 merendahkan suhu bumi

P6 meningkatkan kualiti alam sekitar

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iii) **Peranan-peranan**

P1 mengadakan kempen penggalakan kenderaan teknologi hijau / mobiliti

P2 menurunkan kadar cukai kenderaan teknologi hijau / mobiliti

P3 menambahkan stesen pengecas kenderaan

P4 menyediakan pakej pinjaman / kadar faedah yang rendah kenderaan teknologi hijau / mobiliti

P5 menggalakkan penggunaan kenderaan teknologi hijau / mobiliti dalam kenderaan awam

P6 meningkatkan pengeluaran kenderaan teknologi hijau / mobiliti

P7 menurunkan harga / memberikan rebat khas kepada pemilik kenderaan teknologi hijau / mobiliti

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Tindakan -tindakan**

- P1 mempergiat kempen berbasikal / mengadakan program berbasikal di kampus
- P2 mencadangkan pihak universiti menambah baik infrastruktur berkaitan
- P3 menganjurkan pertandingan berbasikal
- P4 menyediakan khidmat sewa basikal
- P5 menjadi contoh / suri teladan
- P6 bekerjasama dengan syarikat luar menjual basikal di dalam kampus
- P7 memberikan insentif kepada mahasiswa yang menggunakan basikal

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) **Sebab-sebab**

- P1 dah besar panjang
- P2 asyik nak bermanja saja
- P3 ajar supaya dia tahu berdikari
- P4 Buat malu saja kalau anak lelaki macam ini

Markah

1

1

1

1

[Maksimum : 2 Markah]

(ii) **Cara-cara**

Bahan 1

- P1 terlibat dengan PLKN

Bahan 2

- P2 masa lapang dapat diisi dengan hobi yang bermanfaat
- P3 membaca buku dapat menenangkan minda
- P4 bersukan dapat menjadikan tubuh badan cergas
- P5 menghasilkan kraf tangan dapat menjadikan seseorang ceria / gembira

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) **Punca-punca**

- P1 takut akan aktiviti / latihan yang dijalankan
- P2 tiada galakan daripada ibu bapa / keluarga
- P3 masalah kesihatan
- P4 bekerja / menyambung pelajaran
- P5 berkahwin awal
- P6 tiada pendedahan / kesedaran / maklumat tentang PLKN
- P7 tempat yang tidak selesa / gambaran yang negatif tentang PLKN

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) **Program-program**

- P1 Menyiapkan kerja sekolah / mengulang kaji pelajaran / membaca buku
- P2 Menyertai kem motivasi
- P3 Menyertai kem kecemerlangan akademik / tuisyen / kelas tambahan
- P4 Menyertai program kemasyarakatan / sukarelawan
- P5 Menyertai kursus jangka masa pendek
- P6 Membantu keluarga
- P7 Melancong

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) **Kemudahan-kemudahan**

- P1 Lampu kuning juga dipasang berselang tiga tiang elektrik
- P2 Jalannya sudah diturap malah rasanya jauh lebih baik daripada sesetengah tempat.
- P3 Lengkap dengan sekolah, balai raya dan klinik desa
- P4 Ada pula sebuah bangunan yang dijadikan pusat komoditi pertanian

[Isi cukup : 3 isi]

[Maksimum: 4 markah]

8(ii) **Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**

- (a) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel seperti yang dinyatakan pada arahan soalan.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (c) Beri **1** markah bagi **peristiwa yang menunjukkan amalan kerjasama** yang betul.
- (d) Berikan **1** markah bagi setiap **alasan / huraian yang betul** bagi **peristiwa yang menunjukkan amalan kerjasama**.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi setiap peristiwa dan 1 markah bagi setiap huraian / alasan bagi setiap novel)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara menyeluruh ;
 - 1. Baik : 2 markah
 - 2. Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah..

[Maksimum : 6 markah]

(ii) **Peristiwa yang menunjukkan amalan kerjasama**

Novel Pantai Kasih

1. **Peristiwa** Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng bekerjasama melakukan pembedahan kecemasan terhadap Doktor Uwang yang kritikal setelah terlibat dalam kemalangan.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama doktor dalam merawat pesakit.

2. **Peristiwa** Doktor Raiha, Ibu Unong Siron dan staf lain di PRPK bekerjasama menyelamatkan Felicia Landosi daripada terus ditawan oleh doktor palsu yang menceroboh masuk di farmasi PRPK.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama dalam membantu mereka yang berada dalam kesusahan dan memerlukan pertolongan

3. **Peristiwa** Doktor Raiha memberikan kerjasama yang baik kepada pihak berkuasa bagi membuktikan kematian anaknya dalam kebakaran berpunca daripada suaminya, Doktor Sadiz.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama yang diberikan oleh seseorang kepada pihak berkuasa dalam menangani jenayah.

4. **Peristiwa** kakitangan Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) bersama-sama Dr. Uwang bekerjasama membangunkan pusat perubatan swasta itu sehingga menjadi terkenal.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama antara pekerja dengan majikan dalam memajukan sesebuah perniagaan.

Peristiwa yang menunjukkan amalan kerjasama yang lain boleh diterima sekiranya relevan

Novel Bimasakti Menari

1. **Peristiwa** Muhammad Taufik, Nurul Hafsa dan Budiman bekerjasama untuk menyediakan laporan tentang Kawasan Simpan Langit Gelap Kuala Selangor untuk dibentangkan di hadapan Menteri Besar. Mereka mengambil masa selama seminggu untuk mengemas kini dan memantapkan bahan pembentangan mereka.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama berpasukan dalam menjayakan sesuatu perkara.

2. **Peristiwa** Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman sama-sama berusaha melestarikan alam sekitar. Mereka memperkenalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar kecerahan langit dapat dikurangkan untuk memastikan Bintang-bintang dapat dilihat.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama dalam usaha melestarikan alam sekitar sangat penting demi mengekalkan keindahan alam

3. **Peristiwa** Nurul Hafsa dan seorang penduduk telah bekerjasama dengan pihak polis Bestari Jaya sehingga penjenayah yang mencederakan Muhammad Taufik berjaya ditangkap.

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama yang diberikan oleh orang ramai dalam membanteras jenayah.

4. **Peristiwa** pernikahan kali kedua Tan Sri Muhaimin dengan Puan Maryam Wickham . Kaum wanita ramai yang hadir dan bekerjasama membasuh talam-talam dan peralatan hidangan sebelum dipulangkan ke restoran..

Huraian : Peristiwa ini menunjukkan kerjasama dalam menjayakan sesuatu majlis program.

Peristiwa yang menunjukkan amalan kerjasama yang lain boleh diterima sekiranya relevan

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi – **20 markah**
(b) Bahasa – **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas / peribahasa
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none">● Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik● Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu● Penggunaan kosa kata luas dan tepat● Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none">● Kesenambungan ayat baik● Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu● Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat● Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none">● Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik● Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu● Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat● Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none">● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

Markah

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | ...membincangkan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor keracunan makanan di kantin sekolah dan cara-cara / usaha-usaha / langkah-langkah mengatasi isu keracunan makanan di kantin sekolah | 1 |
| P2 | ...membincangkan punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor keracunan makanan di kantin sekolah | 1 |
| P3 | ...membincangkan cara-cara / usaha-usaha / langkah-langkah mengatasi isu keracunan makanan di kantin sekolah | 1 |

Isi [16 markah]

FOKUS 1 : punca-punca / sebab-sebab / faktor-faktor keracunan makanan di kantin sekolah

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | Sikap pengendali makanan yang tidak mempedulikan kebersihan | 2 |
| A2 | sering lalai dalam penyimpanan dan penyediaan makanan | 2 |
| A3 | tidak bersikap profesional dalam pengendalian makanan | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| B1 | Penggunaan bahan mentah tercemar | 2 |
| B2 | Proses pembersihan dan penyediaan bahan mentah yang tidak betul | 2 |

FOKUS 2 : cara-cara / usaha-usaha / langkah-langkah mengatasi isu keracunan makanan di kantin sekolah

Bahan 1

- | | | |
|----|---|---|
| C1 | pihak berkuasa kesihatan perlu menjalankan latihan berkala kepada semua pekerja kantin | 2 |
| C2 | Pihak berkuasa kesihatan dan sekolah hendaklah meningkatkan pengawasan serta pemantauan melalui pemeriksaan berkala | 2 |
| C3 | Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan ketat perlu dilakukan oleh pihak berkuasa | 3 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| D1 | pihak sekolah memberikan pendidikan mengenai aspek keselamatan makanan kepada semua guru dan murid. | 2 |
|----|---|---|

Bahan 3

- | | | |
|----|--|---|
| E1 | Menyediakan bekal untuk anak-anak
(Sediakan bekal buat si anak) | 2 |
| E2 | Memilih makanan yang bersih
(Makanan bersih jadi pilihan) | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, **keracunan makanan di kantin sekolah** perlulah ditangani agar dapat memastikan keselamatan warga sekolah terjamin. 2
- K2 Kesimpulannya, **keracunan makanan di kantin sekolah** perlulah ditangani. 1
- (Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

CARA PENULISAN MARKAH

P	
A	
B	
C	
D	
E	
K	
I	
B	
J	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT